

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk membuka kuota baru sekiranya kuota *Net Energy Metering* (NEM) pada 500MW sehingga tahun hadapan habis digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 30 September 2019, sebanyak 82.55 Megawatt (MW) atau 16.56% kuota telah diluluskan di bawah program *Net Energy Metering* (NEM). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28.54MW telah mula beroperasi atau disambungkan ke grid TNB.

Kementerian menerusi SEDA Malaysia akan terus melaksanakan pelbagai program secara berterusan bagi tujuan mempromosikan program NEM ini. Sekiranya 500MW tersebut mendapat sambutan dan habis digunakan pada 2020, Kementerian akan melihat semula keperluan kuota atau program seumpamanya bagi terus menjayakan hasrat Kerajaan ke arah pencapaian sasaran 20% tenaga boleh baharui pada 2025.